

$$\int_{\mathbb{R}^d} \frac{\partial}{\partial t} \varphi(t,x) \, dx = - \int_{\mathbb{R}^d} \varphi(t,x) \, \Delta_x \varphi(t,x) \, dx$$



951-192

# DA SAR DA SAR NEGARA

APB711411

U 4 AUG 1994

NASKAH PEMULIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
SIRI PENGETAHUAN AM

Diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan,  
Abbas bin Saleh KMN, Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan Malaysia.  
B.K. D42 ( B. M. ) Sept. '92 ( 40.)  
Dicetak oleh Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd. untuk Jabatan Percetakan Negara.

## **Pendahuluan**

Sejarah perkembangan dan pembangunan negara mempunyai kaitan yang rapat kepada perspektif nilai dan asas sebenar penggubalan dasar sesebuah negara. Dalam konteks negara kita Malaysia, dasar-dasar yang digubal mempunyai objektif yang khusus untuk kebajikan dan ketahanan negara. Ia dapat dirumuskan seperti berikut:-

1. Pencapaian Matlamat Wawasan 2020
2. Pencapaian Matlamat Dasar Pembangunan Nasional
3. Pertumbuhan Ekonomi dan Pengagihan yang adil dan
4. Kedaulatan dan Ketahanan Negara

Sungguhpun objektif dasar-dasar yang digubal adalah murni tetapi kejayaan dan keberkesanannya banyak bergantung kepada kefa-haman dan penghayatannya oleh para pelaksana dan rakyat sendiri. Adalah diharap buku ini dapat membantu orang ramai memahami dasar-dasar yang terkandung di dalamnya.

Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia juga merakam uca-pan terima kasih kepada Institut Tadbiran Awam Negara di atas ker-jasama menerbitkan buku kecil ini.

## **KANDUNGAN**

### **DASAR-DASAR EKONOMI**

● WAWASAN 2020	3
● DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL	8
● DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA	14
● DASAR PERTANIAN NEGARA	18
● DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA	27

### **DASAR DASAR SOSIAL DAN ETIKA KERJA**

● DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN	30
● DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN	35
● DASAR-DASAR/PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN KUALITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM	39
● DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN	45
● DASAR WANITA NEGARA	48

---

# ***Dasar-Dasar Ekonomi***

---

# WAWASAN 2020

## Pendahuluan

Semasa pelancaran Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991, Y.A.B. Perdana Menteri telah membentangkan satu kertas kerja bertajuk "Malaysia - Langkah ke Hadapan" yang mengandungi satu pemikiran dan rangka kerja mengenai matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. Ianya dikenali sebagai "Wawasan 2020".

Wawasan 2020 bukanlah merupakan satu dasar tetapi merupakan tindakbalas kepada perkembangan ekonomi, sosial dan politik yang berlaku di peringkat nasional dan antarabangsa yang telah memberi cabaran hebat kepada negara. Wawasan ini telah diketengahkan sebagai satu garis panduan dan rangka kerja mengenai pendekatan yang harus diambil dalam memulakan langkah bagi perjalanan jauh yang akan ditempuh oleh negara.

## Objektif

Wawasan 2020 bertujuan mewujudkan negara bermatlamat iaitu Malaysia akan menjadi negara maju dengan caranya tersendiri tanpa terikat cara dan corak negara maju yang ada sekarang. Kemajuan yang dicita-citakan ialah kemajuan yang sempurna yang tidak semata-mata diukur dari segi pencapaian lahiriah atau fizikal semata-mata malah ia akan meliputi pewujudan satu masyarakat yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain.

## Cabarannya

- Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat dikongsi bersama.

- Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah.
- Mewujud dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang.
- Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika.
- Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur.
- Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif.
- Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi.
- Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi.
- Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, giat dan kental.

Cabaran-cabaran di atas telah membangkitkan beberapa isu utama yang harus dihadapi bagi membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju. Isu-isu ini ialah:-

(i) **Pembentukan Satu Negara Bangsa Malaysia.**

Konsep satu negara bangsa mempunyai makna yang dalam kerana ia bermaksud sebuah negara berdaulat yang rakyatnya tidak dapat diidentifikasi melalui kaum, keturunan atau warna kulit.

(ii) **Negara Perindustrian**

Negara yang telah berjaya mengubah corak ekonomi dan kehidupannya daripada pertanian kepada perindustrian yang lengkap adalah mempunyai status negara maju. Masyarakat negara maju adalah masyarakat yang didokong oleh kemahiran sains dan teknologi yang tinggi yang bukan setakat boleh mencedok atau mengubahsuai sahaja tetapi ia mestilah boleh mencipta dan memperbaharui.

(iii) **Keadilan Ekonomi dan Sosial**

Pewujudan satu masyarakat yang adil dalam bidang ekono-





mi dan sosial memanglah perlu kerana dalam sebuah negara maju tidak patut wujud keadaan di mana satu golongan rakyat mempunyai segala-galanya sedangkan satu golongan lagi tercincir. Pembasmian kemiskinan, keseimbangan sosioekonomi di antara kaum, di antara wilayah, di antara negeri dan di antara bandar dan luar bandar perlu diberi perhatian utama.

**(iv) Moral dan Etika**

Negara maju ala-Malaysia yang dicita-citakan seharusnya berpegang kepada falsafah moral dan etika yang tinggi berasaskan kepercayaan agama. Penganutan falsafah ini adalah penting kerana kemajuan kebendaan tanpa nilai-nilai moral dan etika tidak akan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian yang berkekalan sebaliknya banyak membawa keburukan.

**(v) Pembangunan Masyarakat Berdasarkan Sistem Kekeluargaan**

Kekuatan dan kemajuan sesebuah negara itu bermula dan terletak pada keluarga dan masyarakat. Penegasan ini amatlah benar kerana keluarga (rumah tangga) dan masyarakatlah yang mencorakkan kualiti individu yang menjadi rakyat dan pemimpin sesebuah negara.

Wawasan 2020 bukanlah slogan untuk dilaung-laungkan, tetapi ia lebih merupakan rangka kerja tindakan (framework of action) bagi setiap rakyat untuk mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan Malaysia menjadi negara yang benar-benar maju dan makmur.



# **DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)**

## **Pendahuluan**

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2) dari tahun 1991 - 2000 yang telah digubal berasaskan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), menandakan bermulanya satu lagi era baru di dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. DPN telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 17 Jun 1991.

## **Objektif**

Perpaduan negara akan terus menjadi matlamat terakhir DPN kerana masyarakat yang bersatupadu adalah penting untuk memperkuatkannya lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. DPN menetapkan langkah permulaan ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju dalam semua segi iaitu dari segi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan, dan kecemerlangan ekonomi.

## **Strategi**

DPN akan terus mengekalkan strategi asas DEB iaitu pembasmiaran kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum dan dengan ini akan menyumbangkan ke arah mengukuhkan perpaduan negara. Di samping mengekalkan strategi-strategi asas DEB, DPN adalah bertujuan untuk mewujudkan satu corak pembangunan yang lebih seimbang yang merangkumi aspek-aspek kritikal seperti berikut:

- Mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang saksama;
- Memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk membolehkan pertumbuhan menjadi lebih sama rata dan saling melengkapi dan membantu di antara satu dengan lain;
- Mengurangkan dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi negara untuk menggalakkan perkongsian faedah yang diperolehi dari pertumbuhan secara lebih adil dan saksama untuk semua rakyat Malaysia;
- Menggalakkan dan memperkuuhkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang yang luas dalam pembangunan ekonomi antara negeri dan antara kawasan bandar dan luar bandar;
- Membangunkan sebuah masyarakat progresif di mana kesejahteraan dinikmati oleh semua rakyat, di samping memiliki sikap dan nilai kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara;
- Memajukan sumber manusia dan mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin dan produktif serta meningkatkan kemahiran yang perlu bagi menghadapi cabaran pembangunan dalam masyarakat perindustrian melalui satu budaya kecemerlangan tanpa menjelaskan matlamat penyusunan semula masyarakat;
- Menjadikan sains dan teknologi sebagai satu asas penting dalam perancangan dan pembangunan sosio ekonomi di samping menggalakkan budaya sains dan teknologi selaras dengan proses membangunkan sebuah ekonomi perindustrian moden; dan
- Memastikan bahawa dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi perhatian yang sewajarnya diberikan kepada pemeliharaan alam sekitar dan ekologi supaya dalam jangka panjang, pembangunan

dan sumber negara dapat dikenalkan secara berterusan di samping meningkatkan taraf hidup.

DPN mengandungi beberapa peralihan pendekatan dengan tujuan mengadakan satu dimensi baru dalam usaha pembangunan, terutamanya dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dimensi-dimensi baru DPN adalah seperti berikut:

- Memberi penekanan yang lebih kepada strategi pembasmi kemiskinan untuk tujuan menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin (hardcore poor) di samping mengurangkan kemiskinan relatif.
- Menumpukan perhatian kepada pembangunan sebuah masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai satu strategi penting ke arah meningkatkan dan seterusnya mengekalkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi;
- Meningkat penekanan kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam proses penyusunan semula masyarakat; dan
- Memberi lebih tumpuan kepada pembangunan sumber manusia termasuk sistem nilai dan etika bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama.

## **Program Pelaksanaan**

Beberapa pendekatan baru yang diambil dalam usaha melaksanakan DPN adalah seperti berikut:

### **(i) Hasil pencapaian yang berkualiti dan berkekalan**

Pendekatan yang lebih terpilih akan dibuat dengan mengambil kira keperluan untuk mencapai hasil yang berkualiti dan berkekalan. Dalam

proses menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin dan juga mengurangkan ketidakseimbangan, penekanan akan diberikan kepada aspek-aspek pendidikan dan latihan sebelum bantuan diberikan;

#### **(ii) Persaingan Dalam Pasaran Antarabangsa**

Dalam menghadapai persaingan antarabangsa, Malaysia perlu meningkatkan daya tarikan kepada pelabur dan pengusaha supaya dapat memperluaskan urusan mereka di negara ini. Dalam bidang eksport pula, halangan-halangan (perlindungan) perdagangan antarabangsa akan meningkat. Untuk mengatasi masalah ini, Malaysia akan mengamalkan dasar liberal yang boleh menggalakkan sektor swasta lebih bersedia menghadapi risiko berkaitan.

#### **(iii) Wawasan 2020**

Pelaksanaan strategi serampang dua mata DPN akan terus menggalakkan penggembangan sumber-sumber negara dan menggunakan potensi kecerdasan masyarakat berbilang kaum untuk membina ekonomi yang teguh serta meningkatkan ketahanan negara bagi mengatasi ketidakstabilan dan ketidaktentuan ekonomi dunia.

#### **(iv) Pembasmian Kemiskinan**

Dalam melaksanakan strategi pembasmian kemiskinan, DPN akan mengambil kira beberapa perubahan dibuat terhadap peranan sektor awam. Peranan sektor awam dalam pembasmian kemiskinan akan ditumpukan pada program-program berikut:

- pendidikan dan latihan
- kesihatan
- jalan-jalan luar bandar
- pengangkutan
- perumahan
- bekalan air dan elektrik

Usaha-usaha yang lebih gigih akan dilaksanakan untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan di antara wilayah-wilayah, khususnya di antara negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri lain.

Program pelaksanaan untuk mengatasi kemiskinan di bandar-bandar juga akan dipertingkatkan. Di kawasan bandar, kemiskinan relatif akan dikurangkan menerusi penyediaan peluang yang lebih baik untuk meningkatkan pendapatan dan kemudahan asas seperti perumahan, pengangkutan dan kemudahan awam. Langkah-langkah juga akan diambil oleh Kerajaan melalui perancangan dan penetapan zon pembangunan bandar yang sesuai dalam usaha membangunkan bandar-bandar secara teratur. Ini bukan sahaja akan dapat mengawal pertumbuhan kawasan-kawasan setinggan tetapi juga menyediakan peluang-peluang kepada golongan yang terlibat dalam perniagaan dan industri kecil.

#### (v) Penyusunan Semula Masyarakat


Penghapusan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi dan penyusunan semula hakmilik akan terus menjadi program penting di bawah strategi ini. Berhubung dengan ini, matlamat DPN adalah untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi masyarakat Bumiputera keta-hap yang lebih berdaya maju dan teguh. Kedudukan ini boleh dicapai dengan pelaksanaan strategi meningkatkan gunatenaga dan penyertaan Bumiputera dalam pengurusan sektor-sektor moden dan membentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.

Matlamat penyusunan semula gunatenaga akan memastikan corak gunatenaga di berbagai sektor dan pekerjaan dalam ekonomi mencerminkan komposisi berbagai kumpulan etnik dalam negara.

#### Penutup

Seperti DEB, DPN akan meneruskan usaha-usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi di antara golongan kaya dengan miskin dan

juga dikalangan kaum etnik. Ketidakseimbangan ekonomi ini akan dapat dikurangkan berasaskan prinsip pembangunan seimbang dan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkuatkan perpaduan negara.



# **DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA**

## **Pendahuluan**

Di dalam dekad 50-an dan 60-an, program perindustrian di negara ini dijalankan sebagai usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara yang pada masa itu amat bergantung kepada getah dan bijih timah.

Sejak tahun 70-an, kerajaan telah menitikberatkan pertumbuhan industri yang lebih pesat untuk menampung keperluan pekerjaan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Tumpuan telah diberikan kepada industri-industri yang berasaskan eksport dan industri yang menggunakan ramai buruh.

Mulai tahun 80-an pula, program perindustrian negara mengalami satu lagi perkembangan menerusi penggalakan industri berat. Ini bertujuan untuk memperkuatkan lagi asas perindustrian negara dan menambahkan kemahiran rakyat di bidang yang lebih tinggi. Ia juga bertujuan untuk mempercepatkan lagi proses perindustrian.

Penggubalan dasar perindustrian negara melambangkan keazaman kerajaan untuk mempergiatkan lagi proses industrialisasi negara agar sektor pembuatan menjadi punca utama pertumbuhan ekonomi negara.

## **Objektif Pelan Induk Perindustrian (PIP)**

PIP telah menggariskan tiga matlamat iaitu:

- (a) Menjadikan sektor perkilangan sebagai ‘catalyst’ pertumbuhan perindustrian negara;


- (b) Menggalakan penggunaan sepenuhnya sumber asli negara; dan
- (c) Meninggikan tahap penyelidikan dan pembangunan (Research & Development), teknologi tempatan sebagai asas bagi Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian.

## Strategi Pelan Induk Perindustrian

Untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut, PIP telah mengenalpasti 12 sektor industri yang patut diberi penekanan. Tujuh daripada sektor-sektor ini adalah yang berasaskan sumber tempatan iaitu industri yang berasaskan getah, kelapa sawit, kayu-kayan, makanan, kimia, logam bukan ferus dan keluaran-keluaran galian bukan logam. Lima sektor lagi merupakan industri yang bukan berasaskan sumber iaitu elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan, mesin dan kejuruteraan, logam-logam ferus dan tekstil dan pakaian. Kesemua industri ini telah dipilih berasaskan kepada potensi untuk mencapai matlamat memperluaskan asas industri negara.

Untuk mencapai taraf sebuah negara perindustrian PIP mencadangkan:

- (a) Melaksanakan dasar perindustrian yang berpandangan ke luar. Untuk mengekalkan kadar pertumbuhan perindustrian yang tinggi, Malaysia harus menumpukan kepada pengeksportan keluaran-keluaran perkilangan secara besar-besaran.
- (b) Memajukan secara intensif industri-industri berasaskan sumber untuk eksport dan mempelbagai dan menimbangkan industri-industri bukan berasaskan sumber untuk eksport.
- (c) Memajukan industri-industri berat terpilih untuk menyokong industri-industri eksport.



- (d) Memaju dan menggunakan sistem perkhidmatan maklumat yang bersepadu;
- (e) Membangunkan teknologi dan tenaga rakyat;
- (f) Mengurangkan perbelanjaan dalam pembinaan infrastruktur dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan industri-industri di kawasan yang telah sedia mempunyai kemudahan infrastruktur yang diperlukan.
- (g) Memoden dan menyusun semula struktur perindustrian dengan mempertingkatkan pembangunan industri-industri kecil dan sederhana.
- (h) Memperkuuhkan institusi-institusi yang bertanggungjawab kepada pembangunan sektor pembuatan; dan
- (i) Menyusun semula sistem galakan perindustrian yang sedia ada untuk memupuk kecekapan dan daya bersaing yang lebih tinggi.

PIP merangkumi strategi-strategi dan langkah-langkah yang boleh membawa Malaysia ke dalam era sebuah negara perindustrian dan seterusnya menjadi teras kepada sebuah negara maju. Melaluinya, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan lebih diterajui oleh pertumbuhan dalam sektor eksport yang berlandaskan strategi industrialisasi yang 'outwardlooking'. Sejauh mana ini akan mencapai hasil yang baik bergantung kepada keupayaan pekilang-pekilang di Malaysia mengekal, jika tidakpun meningkatkan lagi, daya saing di pasaran antarabangsa yang penuh cabaran itu.

## DASAR PERTANIAN NEGARA

Dasar Pertanian Negara telah dilancarkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Pertanian Negara pada 12 Januari 1984 sebagai garis panduan bagi membantu Kerajaan dan sektor swasta menggiatkan sektor pertanian (meliputi sektor kecil tanaman, ternakan, perikanan, dan perhutanan) dan seterusnya, keseluruhan ekonomi negara.

Sektor pertanian menyediakan peluang yang luas untuk pekerjaan; membekal sumber bahan mentah sektor perindustrian; menyedia sumber makanan dan sumbangannya telah berubah dari beberapa segi. Dari segi mutlak, sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat, tetapi dari segi peratusan telah menurun daripada 21.8 peratus pada tahun 1987 kepada 18.7 peratus pada tahun 1990, berbanding dengan sektor pembuatan yang meningkat daripada 22.5 peratus kepada 27 peratus bagi tempoh masa yang sama.

Begitu juga gambarannya bagi gunatenaga; sumbangan sektor pertanian dalam memberikan peluang pekerjaan telah menurun daripada 51 peratus pada tahun 1970 kepada 31 peratus pada tahun 1988, dan menurun kepada 27.8 peratus pada tahun 1990 manakala bagi tempoh yang sama sumbangan sektor pembuatan telah meningkat daripada 11 peratus tahun 1970 menjadi 17 peratus pada tahun 1980 dan menjadi 19.5 peratus pada tahun 1990. Kadar pertumbuhan sektor pertanian juga bertambah daripada 3.1 peratus dalam tempoh 1981 - 86 kepada 4.6 peratus dalam tempoh 1986-1990.

Berhadapan dengan hakikat ini, Kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada perkembangan ekonomi negara.

Tindakan itu dibuat berdasarkan dua perhitungan. Pertama, sektor pertanian, khususnya sektor kecil bukan-ladang merangkumi sebaha-

gian besar golongan rakyat miskin negara. Kerajaan merasa bertanggungjawab bagi meningkatkan taraf hidup mereka itu. Kedua, Kerajaan bercadang untuk membangunkan sektor ini tanpa bergantung kepada pelaburan sektor awam sahaja dan dengan itu mengurangkan beban perbelanjaan awam di dalam sektor yang rendah pulangan pelaburannya.

## Objektif

Dasar Pertanian negara telah digubal dengan objektif-objektif berikut:

- Memaksimumkan pendapatan sektor pertanian melalui penggembangan sumber-sumber negara secara cekap dan berkesan supaya sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi negara dapat dipergiatkan semula;
- Memaksimumkan pendapatan pengusaha/pekebun kecil melalui peningkatan daya pengeluaran supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan dan kualiti hidup keluarga diperbaiki; dan
- Memaju dan meningkatkan hasil dan mutu komoditi-komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport atau bahan gantian import serta komoditi-komoditi terpilih untuk bahan makanan dan perindustrian.

## Strategi-strategi

Strategi-strategi yang dipilih untuk mencapai matlamat, Dasar Pertanian Negara merangkumi beberapa strategi yang sedia ada tetapi diperkemaskan dan diperkuahu dengan strategi-strategi baru. Strategi-strategi utama Dasar Pertanian Negara adalah seperti berikut:



### **(a) Pembukaan Tanah Baru**

Di bawah Dasar ini, pembukaan tanah baru akan mengambil kira stok tanah yang sesuai untuk pertanian yang semakin berkurangan di samping kos pembangunan tanah yang kian meningkat. Untuk mengatasi batasan pertama, saiz kebun akan disesuaikan dengan jenis dan sistem tanaman yang dipilih. Untuk mengatasi batasan kedua, para peserta rancangan tanah akan ditempatkan di kawasan rancangan lebih awal lagi untuk membantu usaha menyediakan kawasan itu untuk tanaman.

### **(b) Pembangunan “In-Situ”**

Pembangunan Pertanian In-Situ ditujukan kepada kawasan-kawasan yang telah sedia diusahakan dengan pelbagai aktiviti pertanian tetapi daya pengeluaran adalah rendah akibat beberapa masalah struktur dan institusi, seperti saiz tanah yang tidak ekonomi, sistem pengurusan tanaman yang tidak menguntungkan dan juga masalah tanah terbiar. Pada umumnya, kumpulan sasaran adalah golongan petani miskin.

Strategi memajukan kawasan ini secara bersepada akan terus diperkuuhkan melalui pengelompokan dan pemulihan tanah-tanah terbiar, atau penyatuan tanah-tanah kecil ke satu sistem dan skel pertanian yang ekonomik atau komersial.

### **(c) Perkhidmatan Sokongan Pertanian**

Untuk membangunkan pertanian ke tahap yang lebih tinggi memerlukan khidmat sokongan seperti penyelidikan, pengembangan dan pemasaran yang cekap dan berkesan di samping menyediakan galakan-galakan atau insentif yang tertentu.

Penyelidikan pertanian akan terus ditingkatkan bagi komoditi eksport dan komoditi makanan. Penyelidikan gunaan (applied research)



akan diberi tumpuan sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah pengeluaran, lepas tuai dan aktiviti-aktiviti hiliran. Perkhidmatan pengembangan akan diperkuuhkan. Pemasaran pertanian juga akan dipertingkatkan supaya wujud struktur dan sistem pemasaran yang cekap dan teratur.

Aspek-aspek lain yang akan ditekankan adalah meningkatkan mutu dan persembahan atau pembungkusan hasil-hasil pertanian supaya lebih menarik, memperkenalkan sistem gred, menstabilkan harga dan memperkuuhkan kemudahan infrastruktur pemasaran seperti pengangkutan, penyimpanan dan pemerosesan.

Struktur fizikal akan dikaji untuk menggerakkan sektor pertanian seperti yang telah dilakukan di dalam sektor pembuatan.

#### **(d) Pembangunan Sosial dan Institusi**

Proses pembangunan dan pemodenan sektor pertanian memerlukan tempoh yang panjang dan tidak hanya dilihat dari segi fizikal atau teknikal sahaja, tetapi juga dari segi pembangunan, kemanusiaan, sosial dan institusi desa. Penerimaan dan pengamalan nilai-nilai yang positif seperti berdikari, dayamaju dan saling bantu membantu adalah faktor-faktor penting yang akan menyumbang kepada kejayaan Dasar Pertanian Negara.

#### **(e) Penswastaan dan Penyertaan Pihak Swasta**

Bagi mengurangkan beban Kerajaan dalam pembangunan pertanian, beberapa program dan projek pertanian boleh dijalankan secara komersial dan diswastakan. Di samping itu, pihak swasta adalah digalakkan untuk menyumbangkan daya usaha utama untuk memajukan komoditi-komoditi makanan dan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (Research and Development).



### **(f) Pembangunan Komoditi**

Dasar Pertanian Negara juga menggariskan matlamat dan halacara pembangunan komoditi-komoditi yang dipilih untuk eksport, untuk memenuhi keperluan makanan negara dan sebagai gantian import. Komoditi-komoditi perindustrian untuk eksport seperti kelapa sawit, getah dan koko akan terus diberi keutamaan untuk mengekalkan persaingan atau 'comparative advantage' di pasaran dunia. Pengeluaran komoditi-komoditi makanan akan dipertingkatkan secara berperingkat untuk memenuhi matlamat sara sendiri, sebagai gantian import dan sekiranya berpotensi, untuk dieksport.

Untuk menambah nilai keluaran-keluaran tersebut, aktiviti hiliran seperti pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan dan pengangkutan hasil akan digalakkan melalui berbagai industri berdasarkan pertanian.

Dari segi pembangunan perhutanan pula, pembukaan hutan akan dihadkan kepada kawasan-kawasan tertentu supaya sumber hutan dan alam sekitar dan ekologi dapat dipelihara. Dalam sektor kecil perikanan laut dalam akan menjamin peningkatan hasil dan penerokaan sumber-sumber hasil dengan sepenuhnya.

### **(g) Program Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar**

Program ini bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar dengan cara meningkatkan lagi pendapatan petani dan pekebun kecil. Halacara baru yang telah diperkenalkan ialah pengelompokan kampung-kampung, penyatuhan tanah dan aktiviti pertanian secara komersil dan pembangunan industri kampung.

#### **• Pengelompokan Kampung-kampung**

Kampung-kampung kecil dan terpencil akan dikelompokkan untuk mewujudkan pusat-pusat kependudukan yang lebih besar supaya kemu-



dahan-kemudahan moden dapat diberikan kepada mereka dengan lebih mudah dan pada kos yang lebih rendah.

### • Penyatuan Tanah dan Pengurusan Aktiviti Pertanian Secara Komersial

Penyatuan kebun-kebun dan bendang-bendang kecil sebelah menyebelah di sesuatu kawasan akan mewujudkan kawasan-kawasan pertanian yang lebih luas. Cara ini membolehkan pengurusan tanaman secara ladang/komersial (yang dipercayai adalah lebih cekap, produktif dan menguntungkan) dijalankan dan pada masa yang sama akan mengurangkan bilangan tanah-tanah terbiar.

### • Pembangunan Industri Kampung

Kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan industri perusahaan kampung dan kecil-kecilan dan pertanian sampingan. Selain dari menambah pendapatan, cara ini juga dijangka akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru. Pada jangka panjang halacara baru akan dapat mewujudkan masyarakat duitan (monetised society) dan pelaburan.

## Penutup

Dasar Pertanian Negara digubal sebagai satu dasar yang rasional yang mempunyai matlamat yang murni, namun begitu kejayaannya banyak bergantung kepada faktor-faktor di luar kawalan pelaksana dasar. Di antaranya termasuklah harga komoditi; sekatan dagangan oleh negara-negara pengimport komoditi; penyertaan pelabur swasta dalam sektor pertanian; masalah kekurangan pekerja dalam sektor pertanian dan lebih penting lagi sambutan dan kesediaan para petani sendiri untuk menyambut seruan dasar ini.

# PERSYARIKATAN MALAYSIA

## Pendahuluan

Kemelesetan ekonomi yang melanda Malaysia dalam dekad 1980-an telah memaksa kerajaan memikirkan semula strategi-strategi pertumbuhan ekonomi negara. Oleh kerana masa depan sektor barang utama tidaklah begitu cerah memandangkan permintaan yang dijangka berkurangan dan persaingan yang semakin kuat. Sementara itu kerajaan tidak lagi mempunyai keupayaan kewangan yang tinggi untuk terus aktif dalam kegiatan-kegiatan ekonomi seperti di masa-masa yang lepas. Dimensi baru yang timbul dalam pengurusan ekonomi negara ialah sektor swasta yang sepatutnya memainkan peranan yang lebih aktif sebagai jentera pertumbuhan dan kepada sektor swastalah diharapkan untuk memperlihatkan tahap keusahawanan yang sewajarnya bagi membolehkan kesejahteraan ekonomi negara dipulih dan dipertingkatkan dengan memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti pemprosesan dan perkilangan untuk pasaran eksport.

Dasar Persyarikatan Malaysia adalah berlandaskan kesedaran bahawa kedua-dua sektor awam dan swasta haruslah memupuk kerjasama erat dan mengambil sikap saling bantu-membantu supaya melaluiinya dapat diwujudkan satu suasana yang lebih menggalakkan bagi para usahawan dan peniaga berusaha dengan bersungguh-sungguh menggiatkan projek-projek perindustrian dan perniagaan dan mampu bersaing di arena antarabangsa yang sentiasa mencabar itu.

Keperluan kepada Dasar Persyarikatan Malaysia ini wujud hasil daripada kesedaran bahawa pada masa ini masih terdapat beberapa perkara dan persoalan-persoalan pokok yang bersaingan dan bertentangan di antara pihak awam dan swasta seperti dalam soal matlamat organisasi, peraturan dan perhubungan.

## **Objektif**

Dasar Persyarikatan Malaysia adalah bertujuan:

- Mewujudkan kerjasama erat, bermakna dan berkesan antara sektor awam dan swasta demi pembangunan negara bagi mencapai faedah bersama;
- Menghapuskan sifat 'permusuhan' di antara kedua-dua sektor dengan menggalakkan perkongsian maklumat, dan saling faham memahami akan prosedur dan matlamat kedua belah pihak; dan
- Meningkatkan hasil negara.

## **Penutup**

Dasar Persyarikatan Malaysia sebenarnya memerlukan perubahan sikap oleh kedua-dua sektor awam dan swasta untuk memupuk persefahaman dan kerjasama yang lebih erat agar kesejahteraan rakyat Malaysia akan dapat dipertingkatkan. Ianya timbul atas kesedaran bahawa kedua-dua pihak sebenarnya adalah sehaluan untuk menjadikan negara ini lebih maju.

Sesungguhnya potensi bagi ekonomi Malaysia bertambah maju amatlah besar sekali memandangkan negara ini kaya dengan sumber asli yang seharusnya digembelengkan. Dasar Persyarikatan Malaysia ialah untuk menggembelengkan sumber-sumber ini melalui kerjasama yang padu di antara sektor awam dan sektor swasta. Sesungguhnya akan dapat memberi sumbangan yang besar ke arah kejayaan lain-lain dasar awam negara seperti Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pertanian Negara, Penswastaan dan lain-lain.

---

# ***Dasar-Dasar Social Dan Etika Kerja***

---

# **DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan dalam tahun 1974 untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan dengan tujuan untuk memperbaiki pelaksanaannya supaya matlamat untuk melahirkan satu masyarakat yang bersatupadu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi pembangunan negara dapat dicapai. Laporan Jawatankuasa ini telah diterbitkan dalam tahun 1979.

Falsafah Pendidikan Negara yang diasaskan kepada hasrat serta aspirasi negara memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhhlak, seimbang dan harmonis, yang boleh mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Ini menjadi satu matlamat penting sistem pendidikan kebangsaan.

## **Strategi Pelaksanaan**

Beberapa strategi telah digubal untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- Menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama;
- Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semua jenis sekolah;
- Mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua;
- Melicinkan tatacara pengurusan pendidikan;
- Meningkatkan mutu pendidikan keseluruhannya dengan menyediakan pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan bersepada;

- Mengadakan peluang pendidikan asas selama sembilan tahun;
- Mendemokrasikan pendidikan dari segi peluang dan mutu dengan mengagihkan peruntukan secara adil dan memberi perhatian khas kepada kumpulan yang kurang bernasib baik dan kawasan luar bandar atau pendalaman;
- Menyediakan pendidikan rendah mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang berasaskan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira pada tahun 1983 yang menjurus kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Matlamat utama kurikulum baru ini adalah untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dan mempunyai moral serta nilai etika yang kukuh;
- Memperluaskan pendidikan Vokasional dan Teknik melalui penyusunan semula kurikulum Sekolah Vokasional pada tahun 1978;
- Mempelbagai dan memperbanyakkan kemudahan pendidikan di peringkat universiti terutama dalam bidang sastera gunaan dan sains gunaan;
- Mempertingkatkan pendidikan kerohanian, moral dan disiplin;
- Menjadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris matematik pelajaran yang wajib diajar di sekolah-sekolah dan memberi peluang yang sempurna bagi pembelajaran bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Cina dan Bahasa Tamil; dan
- Menggalakkan aktiviti ko-kurikulum yang memupuk disiplin, seperti pasukan-pasukan kadet tentera, kadet polis, pengakap, puteri Islam dan lain-lain.

Di samping strategi ini, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga dilaksanakan dengan mengada dan memperkembangkan tenaga peng-





jar yang terlatih dan juga mendirikan sekolah-sekolah selaras dengan pertambahan kanak-kanak. Di Kementerian/Jabatan Pendidikan pula, beberapa Bahagian dan Jawatankuasa yang meliputi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Dasar Pendidikan Kebangsaan telah ditubuhkan atau diperkuatkan bagi memastikan tercapainya hasrat Dasar Pendidikan ini. Diantaranya termasuklah penubuhan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Pelajaran Teknik, dan Vokasional, Jawatankuasa Pusat Kurikulum, Biro Buku Teks, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, Jawatankuasa Perancangan Pendidikan, Bahagian Perkhidmatan, Sebaran Pendidikan dan Pusat Perkembangan Kurikulum.

## **Pendidikan dan Latihan di Bawah Rancangan Malaysia Keenam**

Program pendidikan dan latihan akan dimaju dan dipertingkatkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam (91-95), ini untuk melahirkan tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan terlatih. Setiap individu akan dilengkапkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai, tetapi juga untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab serta mempunyai nilai-nilai moral dan etika yang kukuh. Keutamaan yang lebih kepada pendidikan dan latihan kerana ia akan membantu kepada pencapaian matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) terutama untuk membasmi kemiskinan dan juga penyusunan semula masyarakat. Penyediaan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan akan diberikan kepada golongan yang berpendapatan rendah, ini akan meningkatkan pendapatan dan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan dan selanjutnya menyumbangkan peningkatan agihan pendapatan.

## **Penutup**

Dasar Pendidikan Kebangsaan sememangnya dapat menampung keperluan-keperluan negara buat masa ini dan masa depan. Selaras dengan hasrat negara untuk mencapai tahap negara perindustrian adalah penting rakyatnya diberikan pendidikan secukup dengan keperluan-keperluan swasta bagi bidang-bidang tertentu seperti pengeluaran, pelancongan, perkhidmatan dan sebagainya. Oleh itu dasar ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tenaga manusia dari segi jumlah tetapi juga dari segi kualiti. Dasar ini seharusnya dapat menggalakkan lebih ramai rakyat yang terlibat secara aktif dalam bidang keusahawanan dan tidak bergantung semata-mata kepada kerajaan untuk mencari kerja. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan semasa yang menekankan penyer-taan swasta secara aktif.

## **DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

"Kebudayaan" adalah merupakan keseluruhan cara hidup manusia. Ia berperanan penting dalam proses pembangunan negara di Malaysia di mana keperibadian Malaysia harus dipupuk dalam usaha-usaha yang dijalankan ke arah meningkatkan pembangunan sosio ekonomi dan politik. Ini sudah tentunya memerlukan pengembangan dan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam satu proses yang berterusan.

Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan akan dapat menjadi garis panduan dalam membentuk, mewujud dan mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa.

Pewujudan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia akan terus berlandaskan unsur-unsur dan tiga prinsip yang ditetapkan oleh Kerajaan sebagai Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu:

- Berteraskan kepada Kebudayaan Rakyat Asal Rantau ini**

Rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania) sehingga Malagasi adalah merupakan bahagian utama dari kawasan tamadun atau budaya Melayu. Rantau ini merupakan pusat pemancaran, pengembangan dan warisan Kebudayaan Melayu sejak zaman berzaman dan ditandai pula oleh kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu yang berpusat di Melaka yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa (*lingua franca*). Kebudayaan serantau ini digambaran oleh persamaan-persamaan di bidang bahasa yang berasaskan keluarga bahasa Melayu - Austronesia, kedudukan geografi, pengalaman sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadiannya.

Budaya Melayu pada hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran keperibadian kepada lebih 200 juta umat manusia yang menuturkan satu rumpun bahasa yang sama. Dengan yang demikian, kebudayaan rakyat asal rantau ini dalam pengertian sempit atau luasnya kebudayaan Melayu telah dijadikan teras kepada Kebudayaan Kebangsaan.

- **Unsur-unsur Kebudayaan Lain Yang Sesuai dan Wajar**

Unsur-unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai dan wajar boleh diberi pertimbangan dan penerimaan dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Kesuaian penerimaan dalam penyeraapan ini adalah bergantung kepada tidak wujudnya pecanggahan dengan Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukunegara dan kepentingan nasional serta asas-asas moral dan kerohanian sejagat pada amnya dan pada Islam sebagai agama rasmi negara khasnya.

- **Islam Menjadi Unsur Yang Penting Dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan**

Agama atau Kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam, proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberi panduan kepada manusia dalam mengimbang dan memadukan usaha bagi mengisi kehendak-kehendak emosi dan fizikal dan kerana itu patut menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan memandangkan kedudukannya sebagai agama rasmi negara, di samping telah wujudnya fakta sejarah dan nilai-nilai Islam yang telah sedia didukung oleh sebahagian besar rakyat rantau ini.

Ketiga-tiga prinsip asas di atas adalah melambangkan penerimaan gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.

## **Objektif**

Usaha-usaha pembentukan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah bertujuan untuk mencapai tiga objektif penting iaitu:

- Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui Kebudayaan;
- Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada Kebudayaan Kebangsaan; dan
- Memperkayakan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosio ekonomi.



## **Strategi dan Pelaksanaan**

Objektif dasar ini boleh dicapai melalui strategi-strategi berikut:

- Pemulihan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas-asas Kebudayaan Kebangsaan melalui usaha-usaha penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya;
- Meningkat dan mengukuhkan kepimpinan budaya melalui usaha-usaha membimbing dan melatih peminat, mendokong dan menggerak kebudayaan seluas-luasnya sebagai jentera pembangunan yang berkesan;
- Mewujudkan komunikasi yang berkesan ke arah kesedaran kebangsaan, kenegaraan dan nasionalisme Malaysia;
- Memenuhi keperluan sosiobudaya; dan
- Meninggikan taraf dan mutu kesenian.

## **Penutup**

Penggubalan dan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah perlu bagi negara Malaysia yang sedang membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum yang mengamalkan budaya yang berbeza. Dasar ini dapat menjadi garis panduan dalam membentuk serta mewujudkan satu bangsa yang bersatu-padu serta mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa. Kebudayaan yang dipupuk itu akan mencirikan sifat-sifat persamaan yang melampaui batas-batas suku kaum dan memperlihatkan keperibadian kebangsaan Malaysia itu sendiri sebagai sebuah negara yang merdeka dan bermaruah.

# **DASAR-DASAR/PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN KUALITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Jentera pentadbiran Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan aspirasi negara menerusi pelaksanaan secara berkesan segala dasar, program dan projek Kerajaan. Keupayaan perkhidmatan awam memberikan perkhidmatan yang bermutu dan berwibawa perlu-lah dipertingkatkan sealiran dengan perkembangan-perkembangan yang pesat berlaku di dalam atau di luar negeri. Dengan itu perubahan-perubahan pentadbiran dan permodenan birokrasi bagi meningkatkan produktiviti yang dapat dinilai menerusi peningkatan kecekapan, kekesan-an dan kualiti perkhidmatan telah dibuat melalui penggubalan dan pelaksanaan beberapa dasar dan program tertentu.

## **Objektif**

Dasar-dasar pembaharuan ini mempunyai objektif seperti berikut:

- Meningkatkan keupayaan dan produktiviti sektor awam supaya ia dapat memainkan peranannya meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang menyumbang ke arah pembangunan;
- Memastikan sumber-sumber negara digunakan secara optimum; dan
- Meningkatkan jumlah dan mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

Pendekatan yang telah diambil bagi mencapai objektif di atas ialah dengan memperkenalkan perubahan dan pembaharuan dalam dua

aspek iaitu nilai dan sistem kerja. Dengan itu beberapa dasar awam telah digubal khusus bagi mewujudkan nilai yang positif di kalangan pegawai-pegawai awam. Dasar-dasar tersebut ialah:

- Bersih, Cekap dan Amanah
- Dasar Pandang ke Timur;
- Kepimpinan Melalui Teladan; dan
- Persyarikatan Malaysia.

### A. Bersih, Cekap dan Amanah

Pada pertengahan April 1982 Y.A.B. Perdana Menteri telah melancarkan kempen Bersih, Cekap dan Amanah sebagai satu dasar bagi dijadikan amalan kepada semua golongan di negara ini. Dasar ini dilancarkan berdasarkan hakikat bahawa pembangunan dan kejayaan sebuah negara bergantung antara lain kepada nilai-nilai hidup dan etika kerja yang positif di kalangan pekerja-pekerjanya. Oleh itu, nilai-nilai ini harus ditanamkan di jiwa semua pekerja dan rakyat. Di antara nilai positif ini, yang dianggap penting adalah '**Bersih, Cekap dan Amanah**'.

Objektif utama dasar ini adalah mewujudkan satu etika kerja dan sikap berkhidmat yang baru bagi rakyat Malaysia dengan memberi keutamaan kepada peningkatan produktiviti dan mutu kualiti.

Secara khususnya, sifat-sifat yang ingin diterapkan ke jiwa setiap golongan pekerja adalah seperti berikut:

- Mempunyai moral yang tinggi, bertatatertib dan berdisiplin, tidak menyeleweng dan tidak rasuah;

- Berkecuali, iaitu tidak berat sebelah; dan
- Tidak mementingkan diri sendiri.

### **Kecekapan adalah sifat seperti berikut:**

- Berani dan cepat membuat keputusan;
- Menghadapi krisis dengan tenang;
- Bersikap tegas kepada prinsip;
- Mempunyai produktiviti dan kualiti kerja yang tinggi;
- Mempunyai keyakinan diri;
- Berpandangan jauh - proaktif dan tidak semata-mata reaktif; dan
- Berpengetahuan, berpengalaman dan mahir dalam bidang-bidang tertentu.

### **Amanah Merangkumi Sifat-sifat Seperti:**

- Rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan;
- Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi.

Dasar ini melibatkan penerapan nilai-nilai bersih, cekap dan amanah oleh para penjawat awam dan rakyat. Keberkesanan proses penerapan

ini hanya akan menjadi ketara dalam jangka masa yang panjang, dan sekiranya nilai-nilai itu hendak dijadikan nilai-nilai Malaysia, langkah-langkah perlu diambil untuk mendorong dan memujuk seluruh lapisan masyarakat mengamalkannya termasuk ahli-ahli politik dan pekerja-pekerja swasta.

## B. Dasar Pandang Ke Timur

Dasar Pandang Ke Timur telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 8 Februari, 1982 semasa Persidangan "5th Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA" di Kuala Lumpur. Dasar ini bermakna pihak Kerajaan akan membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan teladan yang terbaik daripada negara-negara di timur seperti Jepun dan Korea dan mengubahsuaikannya dengan keadaan di Malaysia.

Jepun dan Korea adalah merupakan dua buah negara yang begitu berjaya membangun dengan pesatnya, malahan di beberapa bidang, mereka adalah lebih maju dari beberapa negara Barat sendiri.

Objektif utama Dasar Pandang Ke Timur ini ialah untuk meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini serta mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif untuk mempertingkatkan kemajuan negara.

Perkara-perkara yang harus ditekankan dalam dasar ini ialah 'kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak kepada diri sendiri, penekanan terhadap daya pengeluaran 'productivity' dan kualiti yang tinggi, peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan pemisahan antara eksekutif dan pekerja am, sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan dalam jangka pendek, dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan

kepada kemajuan bagi negara kita.' Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, nilai-nilai dan etika kerja berkenaan perlu diamalkan kerana iaanya dapat membantu menjayakan usaha-usaha pembangunan yang dijalankan.

Dasar ini tidak bermakna bahawa Malaysia mengurangkan hubungan perdagangannya dengan rakan-rakan yang sedia ada ataupun memberi keutamaan kepada import barang-barang dan perkhidmatan dari Jepun dan Korea. Kerajaan akan terus mengamalkan dasar perdagangan terbuka dengan semua negara kecuali Israel dan Afrika Selatan.

Selaras dengan dasar ini, Kerajaan telah menyusun strategi dan program bagi meningkatkan kecekapan, kekesaran dan penghasilan kerja yang lebih baik di kalangan pegawai dan kakitangan. Pegawai-pegawai dan pelajar-pelajar Malaysia telah dihantar ke Jepun dan Korea untuk mempelajari selok belok teknikal.

### C. Kepimpinan Melalui Teladan

Pada 19 Mac 1983 Y.A.B. Perdana Menteri telah merasmikan pelancaran Kempen Melalui Teladan. Tujuan kempen ini adalah untuk menanam dan memupuk sifat-sifat kepimpinan yang berkesan bagi dicontohi, dihayati dan diamalkan oleh segenap lapisan anggota Kerajaan Malaysia.

Matlamat kempen ini pula adalah untuk meningkatkan produktiviti dan mengamalkan perkhidmatan yang Bersih, Cekap dan Amanah.

Perkara asas yang penting bagi memastikan kejayaan Kempen ini ialah untuk menentukan wujudnya kepimpinan yang cemerlang yang boleh dipatuhi dan dicontohi di semua peringkat. Pewujudan nilai-nilai yang baik secara berterusan di semua peringkat kepimpinan akan menjadi cabaran kepada penggubal dan pelaksana dasar Kerajaan.

Kepimpinan Melalui Teladan adalah satu dasar yang bertujuan mengubah sikap untuk mencapai dan memperkuatkan nilai-nilai bagi mempertingkatkan etika kerja dan daya pengeluaran negara. Ia selaras, seimbang dan berdamping dengan dasar-dasar lain seperti Dasar Pandang Ke Timur, Bersih, Cekap dan Amanah dan Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran.

#### **D. Persyarikatan Malaysia**

Maklumat mengenai dasar dibincangkan dalam m/s 27

# **DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN**

## **Pendahuluan**

Dasar Penerapan nilai-nilai Islam adalah sebahagian daripada pelbagai usaha Kerajaan Malaysia untuk memasukkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia. Bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai kaum dan agama dan menjalani cara hidup yang berbeza-beza, pengamalan nilainilai yang dapat diterima oleh semua rakyat adalah menjadi asas penting dalam usaha ke arah membentuk identiti dan perpaduan.

Tanpa nilai yang ‘universal’ ini rakyat akan ter dorong untuk menerima dan menyanjung nilai-nilai lain yang sangat asing bagi masyarakat Malaysia. Ini akan menyebabkan kesetiaan rakyat Malaysia serta identitinya sebagai satu warganegara akan menjadi kabur dan maruah bangsa tidak dijunjung tinggi dan mungkin mereka akan memperkecil-kecilkan negara dan bangsa sendiri. Dengan itu rakyat Malaysia haruslah mempunyai identitinya sendiri dengan setiap individu, organisasi dan semua sektor yang melaksanakan pelbagai aktiviti menjalankan kerja yang boleh memberikan sumbangan kepada kesejahteraan negara. Urusan-urusan yang dijalankan dengan penuh rapi, teliti, amanah dan rasa bertanggungjawab boleh membawa kepada pembentukan identiti yang diperlukan oleh sesebuah negara seperti Malaysia ini.

Bagi menjayakan pentadbiran kerajaan, nilai-nilai Islam yang diutamakan boleh diamalkan oleh semua rakyat Malaysia, sama ada mereka Islam atau bukan Islam. Nilai-nilai yang diutamakan untuk pentadbiran yang boleh diterima oleh orang Islam dan bukan Islam ialah amanah, kejujuran, bertanggungjawab, raja n, ikhlas, tertib, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkor-



ban, tidak tamak, berpandangan jauh, bermoral dan berkelakuan baik dan lain-lain.

## Objektif

Objektif dasar ini adalah seperti berikut:

- Membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat lain;
- Menubuhkan sebuah ‘negara bahagia’;
- Menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan;
- Menghasilkan perkhidmatan yang bermutu.

Berdasarkan kepada objektif-objektif ini adalah jelas bahawa dasar ini bukannya bertujuan mengislamisasikan rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam, tetapi sebenarnya memupuk amalan nilai-nilai murni yang boleh diterima oleh semua pihak dan golongan kerana agama-agama lain juga menitikberatkan amalan nilai-nilai seperti ini.

## Nilai-nilai Islam

Hanya sebelas daripada nilai-nilai Islam yang banyak telah dipilih untuk dijadikan asas dasar ini. Nilai-nilai tersebut ialah:

- Amanah;
- Tanggungjawab;
- Ikhlas;
- Dedikasi;
- Sederhana;
- Tekun;
- Bersih;
- Berdisiplin;
- Bekerjasama;
- Berbudi Mulia; dan
- Bersyukur.

Sebelas nilai ini dipilih kerana ia merupakan unsur-unsur yang boleh diterima sebagai kunci kepada kejayaan dalam menjalankan urusan-urusan kehidupan terutamanya dalam pentadbiran sesebuah negara.

# **DASAR WANITA NEGARA**

## **Pendahuluan**

Wanita terdiri kira-kira separuh daripada penduduk di Malaysia. Sumbangan mereka di dalam pembangunan negara keseluruhannya adalah penting. Sebagai isteri dan ibu, wanita merupakan tenaga utama di dalam membentuk generasi akan datang untuk menjadi warganegara Malaysia yang progresif dan berkualiti. Di luar rumah, wanita adalah sumber ekonomi yang penting. Buat masa ini, mereka merupakan satu pertiga dari jumlah tenaga buruh. Kerajaan telah lama mengiktiraf sumbangannya besar wanita di dalam pembangunan negara. Beberapa institusi telah ditubuhkan untuk mengintegrasikan wanita ke dalam aliran utama pembangunan. Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada tahun 1976. Pada tahun 1983 Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah ditubuhkan. Selain daripada bertindak sebagai pusat maklumat utama mengenai hal ehwal wanita, HAWA juga berfungsi sebagai urusetia kepada NACIWID.

Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain seperti Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO), Perkumpulan Wanita (WI), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), dan lain-lain juga memainkan peranan yang penting ke arah meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial.

## **Rasional**

Menyedari pelbagai peranan wanita dalam keluarga, masyarakat, ekonomi dan politik negara, kerajaan mengakui bahawa strategi-strategi yang khusus perlu dibentuk bagi melibatkan wanita secara



berkesan dalam proses pembangunan supaya potensi wanita dapat dioptimakan.

Kerajaan telah menggubal Dasar Wanita Negara (DWN) dalam tahun 1989. Penggubalan dasar ini memperjelaskan kesungguhan kerajaan ke arah membantu penyertaan wanita dalam arus pembangunan negara dengan lebih bermakna. DWN menyediakan garis panduan bagi mengintegrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara.

## **Objektif**

Objektif-objektif Dasar Wanita Negara ialah:

- untuk menjamin perkongsian yang saksama di antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat, di samping mendapatkan peluang dan faedah dari pembangunan; dan
- untuk mengintegrasikan kaum wanita ke dalam semua sektor pembangunan negara selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka bagi tujuan meningkatkan mutu kehidupan, membasmikan kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf serta memastikan negara berada dalam keadaan aman dan makmur.

## **Strategi-strategi Pelaksanaan**

Beberapa strategi bagi menjamin kecekapan, keberkesanan, keselarasan dan keseragaman dasar dan tindakan telah dibentuk:-

- **Memperkuatkan Unit Hal Ehwal Wanita (HAWA) Sebagai Jentera Pembangunan Negara**

Jentera negara bagi kemajuan wanita ialah HAWA yang kini diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial.



Adalah wajar HAWA di pertingkat kuasa dan tarafnya dengan mewujudkan perhubungannya dengan setiap Kementerian, mengadakan penyelaras di setiap negeri supaya dapat bertindak dengan lebih berkesan mengenai hal ehwal wanita.

- **Mengorientasikan Dasar dan Tindakan Agensi Kerajaan Supaya Memasukkan Proses Perancangan, Pelaksanaan dan Pengawasaan Program-program Pengintegrasian Wanita**


Dalam penggubalan dasar, perundangan, peraturan dan program oleh apa juga sektor atau agensi, pertimbangan mestilah dibuat tentang sumbangsan dan implikasinya terhadap wanita; impak dan kesan yang negatif terhadap wanita hendaklah diawasi.

- **Pendidikan dan Latihan Untuk Menyedarkan Pihak Pentadbiran Kerajaan Mengenai Isu Wanita**

Bagi membangkitkan kesedaran dan komitmen institusi dan agensi kerajaan, program latihan kepekaan jantina (*gender sensitizing*) dipelbagai peringkat hendaklah diadakan. Program latihan mengenai wanita dan pembangunan hendaklah diadakan berterusan untuk kakitangan kerajaan.

- **Penglibatan Badan-badan Bukan Kerajaan**

Kerajaan hendaklah berusaha melibatkan semua organisasi bukan kerajaan dan badan-badan sukarela dalam program dan tindakan pembangunan wanita. Bantuan kewangan, teknikal, nasihat dan institusi hendaklah diperuntukkan berterusan kepada persatuan-persatuan wanita bagi menggalakkan dan mempertingkatkan perkhidmatan mereka.



- **Membasmi Diskriminasi dan Mengambil Tindakan Tegas**

Langkah-langkah khusus hendaklah diambil bagi membasmi diskriminasi terhadap wanita. Kelemahan-kelemahan undang-undang bagi menjamin hak wanita hendaklah dibaiki. Tumpuan khas hendaklah dihalkan kepada kawasan-kawasan kurang maju di luar bandar, wanita yang tidak berdaya dan cacat serta wanita diberi peluang pendidikan.

- **Memajukan dan Menyelaras Penyelidikan Mengenai Isu Wanita**

Menyedari hakikat bahawa kurangnya data dan maklumat mengenai kedudukan wanita sebenarnya, maka kerajaan hendaklah menggalak dan membantu penyelidikan dan kajian mengenai wanita.

- **Peruntukan Anggaran Belanjawan**

Kerajaan hendaklah menentukan bahawa kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan dengan mengubahsuai tindakan bagi memenuhi program dan projek pembangunan wanita.

## **Penutup**

Penggubalan DWN ini mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita di dalam pembangunan secara lebih berkesan, sistematik dan bermakna. Memandangkan bahawa wanita memainkan peranan yang penting di dalam dan di luar rumah serta merupakan sumber ekonomi yang penting, matlamat kerajaan adalah untuk menjadikan wanita sebagai rakan yang sama penting dalam usaha membina negara.

# WAWASAN 2020

Suntingan: Bahagian Penerbitan  
Rekaletak: Bahagian Pengeluaran Visual